

AS sebenarnya pencetus ^{um} 21/5/2004: keganasan 26 — Dr. Mahathir

MELBOURNE 20 Mei — Bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mohamad Mahathir semalam menuduh Amerika Syarikat sebagai pihak yang mencetuskan keganasan.

“Anda tahu, dengan perlakuan mereka, layanan mereka terhadap tahanan (Iraq) dan kesemuanya, merekalah yang

mencetuskan keganasan,” katanya pada program ehwal semasa *Dateline* televisyen Special Broadcasting Services (SBS).

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan pengacara SBS Mark Davis sama ada Dr. Mahathir bersetuju bahawa beliau telah menggunakan bahasa yang mengapi-apikan yang boleh menyebabkan pembunuhan dan keganasan, perkara yang Dr. Mahathir sendiri tidak bersetuju dengannya.

Dr. Mahathir tidak bersetuju bahawa beliau mempromosikan keganasan. “Amerika merasakan mereka terlalu berkuasa sehingga mereka boleh sewenang-wenangnya menindas setiap orang... patutkah kita menderita kerana kita tidak mempunyai kekuatan tentera yang dimiliki Amerika?”

“Kita sangat kecewa dengan apa yang Amerika lakukan yang telah meningkatkan keganasan,” katanya.

Dr. Mahathir juga menuduh Australia yang langsung “tidak bersuara menentang Israel”.

“Pada asasnya, anda (Australia) menyokong keganasan negara, dan bagi saya, pengeboman dan melepaskan roket terhadap orang yang tidak berdosa merupakan keganasan. Jadi jika anda menyokong perkara seperti itu, maka anda juga merupakan sebuah negara penganas. Anda perlu mengutuknya.”

Dr. Mahathir juga melepaskan kemarahannya terhadap Perdana Menteri John Howard. “Beliau adalah penyokong paling kuat terhadap apa yang dilakukan oleh Presiden (US) (George W.) Bush dan beliau (Howard) tidak langsung menghiraukan pendapat penduduk di rantau ini.”

Dr. Mahathir berkata beliau mahu “berbaik-baik” dengan Australia. “Saya tidak menentang penduduk Australia, namun saya dapati kenyataan dan laporan mengenai Malaysia tidak menyenangkan.

Beliau berkata selepas bekas Perdana Menteri Paul Keating menggelarnya “keras kepala”, beliau “mesra” dengan Keating.

Dr. Mahathir berkata beliau menyangka boleh serasi dengan Howard. “Namun, Howard memutuskan untuk bersikap kritikal terhadap Malaysia dan mempunyai idea bahawa beliau wajar menjadi timbalan sherif untuk memantau tindakan kita.

“Perkara seperti itu kita tidak anggap sebagai mesra, jadi saya tidak nampak mengapa kita mesti mengambil usaha untuk berbaik-baik (dengan Australia).” — Bernama



DR. MAHATHIR